

Mahathir pembeli pertama Proton Saga untuk isteri

SHAH ALAM 23 Ogos —

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan menghadiahkan kereta Proton Saga yang dibelinya kepada isteri beliau untuk kegunaan harian.

Perdana Menteri telah pun menyampaikan sekeping cek bagi pembelian itu kepada Edaran Otomobil Nasional baru-baru ini yang secara rasmi akan menjadikannya sebagai pelanggan pertama EON.

Pengurus Besar EON, Encik Gurcharan Singh mengesahkan pembelian dan penerimaan cek tersebut tetapi enggan menyatakan jumlahnya.

Beliau dijangka akan memandu pulang kereta itu dari ibu pejabat EON di sini selepas merasmikan pelancaran pemasaran dan pembukaan pejabat EON di seluruh negara pada 1 September.

Mengenai tender untuk nombor khas Proton Saga, beliau berkata, EON telah menerima sebanyak 1,230 tempahan dari orang ramai di seluruh negara.

Katanya, semua surat tender tersebut akan dibuka petang ini dimana mereka yang berjaya akan dihubungi melalui surat.

EON juga katanya, akan merahsiakan butir-butir mereka yang berjaya mendapatkan nombor khas itu untuk kepentingan pemilik kereta itu.

Encik Gurcharan menambah, sebanyak 14 buah pusat servis EON di seluruh negara diperingkat pertama ini akan dapat memberikan perkhidmatan sokongan yang sempurna kepada para pemilik Proton Saga.

Katanya, jumlah itu akan ditambah menjadikan kepada 21 di peringkat kedua nanti dimana servis tersebut juga akan menjual alat-alat ganti kereta kebangsaan itu.

Disamping itu, EON juga bercadang untuk melantik sebanyak 350 wakil servisnya di seluruh negara tidak lama lagi bagi membolehkan orang ramai membuat pilihan.